



**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM
MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS)**

Nama Pekeliling:	PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 01 TAHUN 2024		
		No. Rujukan:	UniSHAMS-PPA-PA-01-2024
		No. Pekeliling:	1/2024
Kelulusan:	Mesyuarat Senat Kali Ke-120 (Bil. 03/2024) Mesyuarat Senat Kali Ke-121 (Bil. 04/2024)	Tarikh Kuatkuasa:	Sesi 2023/2024 Semester Dua (03 Mac 2024)
Tarikh kelulusan:	27 Mac 2024	Bil. M/surat:	7/7 termasuk muka hadapan
Pekeliling/peraturan terdahulu yang berkaitan:	1. Pekeliling Akademik Bilangan 01 Tahun 2023 2. Peraturan 6.10.4 dan Peraturan 6.9.2, Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018		
Tarikh edaran:	25/10/2023		
Mod Edaran:	1. Muatnaik melalui Portal pelajar dan ICMS 2. E-mel pelajar dan staf		

PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 01 TAHUN 2024

MAKLUMAN PINDAAN PERATURAN BERKAITAN PENILAIAN PRESTASI PELAJAR DI BAWAH PERATURAN 6.10.4 DAN PERATURAN 6.9.2 BUKU PERATURAN AKADEMIK PRASISWAZAH SARJANA MUDA DAN DIPLOMA EDISI PERTAMA 2018

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkaitan Pindaan Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018 pada peraturan-peraturan yang diperuntukkan di bawah Peraturan 6.0 Penilaian Prestasi Pelajar.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Peraturan berkenaan Penilaian Prestasi Pelajar telah diperuntukkan di bawah Peraturan 6.0 Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018 yang merangkumi Peraturan 6.9.2 dan Peraturan 6.10.4 yang terdapat di dalam Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018.
- 2.2 Mesyuarat Senat Kali Ke-120 (Bil. 03/2024) yang bersidang pada 27 Mac 2024 telah bersetuju meluluskan pindaan berkaitan Penilaian Prestasi Pelajar yang diperuntukkan di bawah Peraturan 6.0 Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018 dengan membuat pindaan pada Peraturan 6.10.4 yang terdapat di dalam Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018.
- 2.3 Mesyuarat Senat Kali Ke-121 (Bil. 04/2024) yang bersidang pada 05 Jun 2024 telah bersetuju meluluskan pindaan berkaitan Penilaian Prestasi Pelajar yang diperuntukkan di bawah Peraturan 6.0 Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018 dengan membuat pindaan pada Peraturan 6.9.2, Peraturan yang terdapat di dalam Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018.

3. PINDAAN BUKU PERATURAN AKADEMIK PRASISWAZAH SARJANA MUDA DAN DIPLOMA EDISI PERTAMA 2018

- 3.1 Peraturan 6.10.4 yang terkandung di dalam Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018 **telah dipinda** oleh Mesyuarat Senat Kali Ke-120 (Bil. 03/2024) yang bersidang pada 27 Mac 2024 seperti berikut:

PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 01 TAHUN 2024

Peraturan Yang Terlibat dalam pindaan	Butiran Pindaan Yang Dibuat
Peraturan 6.10.4	<p>Pindaan pada pernyataan Peraturan 6.10.4 Peperiksaan Khas</p> <p><u>Peraturan 6.10.4 sebelum pindaan:</u></p> <p>6.10.4 Peperiksaan Khas</p> <p>(a) Peperiksaan khas adalah peperiksaan yang diadakan untuk pelajar semester akhir yang masih berbaki dua (2) atau kurang kursus yang belum ditebus ditaraf gagal.</p> <p>(b) Pelajar boleh memohon untuk menduduki peperiksaan bagi kursus-kursus tersebut selepas peperiksaan akhir dan membayar yuran bagi peperiksaan khas tersebut.</p> <p>(c) Gred XK, GHA, GHB tidak boleh ditebus dengan peperiksaan khas. Pelajar perlu mendaftar dan mengulang semula kursus tersebut.</p> <p>(d) Peperiksaan Khas hanya boleh diambil sekali sahaja dan sekiranya pelajar masih gagal peperiksaan ini, beliau hendaklah mengikuti semula kursus tersebut dalam semester biasa.</p> <p>(e) Gred kursus bagi pelajar yang menduduki Peperiksaan Khas diambil kira sepenuhnya berdasarkan kepada markah peperiksaan tersebut sahaja.</p> <p>(f) Gred yang diperolehi daripada Peperiksaan khas akan diambil kira dalam pengiraan PMS dan PMK.</p> <p>(g) Peperiksaan khas tidak boleh diadakan bagi kes berikut:</p> <p>(i) Kursus yang tiada peperiksaan akhir semester atau kursus yang dikendalikan secara kerja kursus sepenuhnya.</p> <p>(ii) Pelajar yang gagal hadir peperiksaan akhir semester tanpa sebab yang boleh diterima oleh Universiti.</p> <p>(iii) Pelajar yang mendapat status CP bagi sesuatu kursus.”</p>

PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 01 TAHUN 2024

Peraturan 6.10.4 selepas pindaan:

6.10.4 Peperiksaan Khas

- (a) Peperiksaan khas adalah peperiksaan yang diadakan untuk pelajar semester akhir yang berstatus lulus tetapi gagal dalam satu atau dua kursus pada semester semasa.
- (b) Pelajar yang berstatus lulus tetapi gagal dalam satu atau dua kursus pada semester sebelum menjalani latihan industri (bagi program yang melaksanakan latihan industri pada semester akhir).
- (c) Pelajar boleh memohon untuk menduduki peperiksaan bagi kursus-kursus tersebut selepas keputusan peperiksaan akhir dan membayar yuran bagi peperiksaan khas tersebut.
- (d) Gred XK, GHA dan GPB tidak boleh ditebus dengan peperiksaan khas. Pelajar perlu mendaftar dan mengulang semula kursus tersebut.
- (e) Peperiksaan Khas hanya boleh diambil sekali sahaja dan sekiranya pelajar masih gagal peperiksaan ini, beliau hendaklah mengikuti semula kursus tersebut dalam semester biasa.
- (f) Gred maksimum yang boleh diperolehi pelajar setelah menduduki peperiksaan khas ialah gred C.
- (g) Gred yang diperolehi daripada Peperiksaan khas akan diambil kira dalam pengiraan PMS dan PMK.
- (h) Peperiksaan khas tidak boleh diadakan bagi kes kursus yang tiada peperiksaan akhir semester atau kursus yang dikendalikan secara kerja kursus sepenuhnya.

PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 01 TAHUN 2024

- 3.2 Peraturan 6.9.2 yang terkandung di dalam Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018 **telah dipinda** oleh Mesyuarat Senat Kali Ke-121 (Bil. 04/2024) yang bersidang pada 05 Jun 2024 seperti berikut

Peraturan Yang Terlibat dalam pindaan	Butiran Pindaan Yang Dibuat
Peraturan 6.9.2, perenggan e.	<p>Pindaan yang dibuat ialah menggugurkan peruntukan perenggan "e." pada Peraturan 6.9.2.</p> <p><u>Peraturan 6.9.2 sebelum pindaan:</u></p> <p>6.9.2 Gagal Berhenti (GB) Failed and Terminated (GB) Seorang pelajar adalah gagal dan diberhentikan jika: <i>A student is considered failed and terminated if:</i></p> <ol style="list-style-type: none">a. Mendapat PMK 1.50 – 1.99 tiga kali berturut-turut; atau <i>Obtained CGPA 1.50 – 1.99 three times in a row; or</i>b. Mendapat PMK kurang daripada 1.50; atau <i>Obtained CGPA less than 1.50; or</i>c. Mendapat PMK pada DP2 lebih rendah dari PMK pada DP1; atau <i>Obtained CGPA at DP2 lower than CGPA on DP1; or</i>d. Gagal memperolehi PMK 2.00 selepas memenuhi semua keperluan akademik; atau <i>Fail to obtain CGPA 2.00 after meeting all academic requirements; or</i>e. Mendapat status Gagal bagi sesuatu kursus sebanyak tiga (3) kali; atau <i>Obtained the Fail status for a course three (3) times; or</i>f. Dimansuhkan <i>Deleted</i>g. Mendapat status CP sekurang-kurangnya tiga (3) kursus yang didaftarkan sepanjang tempoh pengajian. <i>Obtained a CP status for at least three (3) courses registered during the course of study.</i>

PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 01 TAHUN 2024

	<p><u>Peraturan 6.9.2 selepas pindaan:</u></p> <p>6.9.3 Gagal Berhenti (GB) Failed and Terminated (GB) Seorang pelajar adalah gagal dan diberhentikan jika: <i>A student is considered failed and terminated if:</i></p> <ol style="list-style-type: none">a. Mendapat PMK 1.50 – 1.99 tiga kali berturut-turut; atau <i>Obtained CGPA 1.50 – 1.99 three times in a row; or</i>b. Mendapat PMK kurang daripada 1.50; atau <i>Obtained CGPA less than 1.50; or</i>c. Mendapat PMK pada DP2 lebih rendah dari PMK pada DP1; atau <i>Obtained CGPA at DP2 lower than CGPA on DP1; or</i>d. Gagal memperolehi PMK 2.00 selepas memenuhi semua keperluan akademik; atau <i>Fail to obtain CGPA 2.00 after meeting all academic requirements; or</i>e. Dimansuhkan <i>Deleted</i>f. Dimansuhkan <i>Deleted</i>g. Mendapat status CP sekurang-kurangnya tiga (3) kursus yang didaftarkan sepanjang tempoh pengajian. <i>Obtained a CP status for at least three (3) courses registered during the course of study.</i>
--	---

4. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Pindaan Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018 pada Peraturan 6.9.2 dan Peraturan 6.10.4 yang diperuntukkan di bawah Peraturan 6.0 Penilaian Prestasi Pelajar ini adalah berkuat kuasa mulai **Sesi 2023/2024 Semester Dua** yang bermula 03 Mac 2024 kepada semua pelajar baharu dan semasa.
- 4.2 Pindaan ini hendaklah terus berkuatkuasa pada tarikh ia berkuat kuasa walaupun perubahan atau cetakan terkini pada Buku Peraturan Akademik Prasiswazah Sarjana Muda Dan Diploma Edisi Pertama 2018 belum dilaksanakan.
- 4.3 Walau bagaimanapun, pindaan ini tidak terpakai kepada keputusan semester terdahulu sebelum 03 Mac 2024.

PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 01 TAHUN 2024

4.4 Semua Kulliyah/Pusat Pengajian hendaklah mematuhi dan melaksanakan arahan seperti yang tertakluk kepada Pekeliling Akademik Bil. 01/2024 ini.

5. PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya pekeling ini, mana-mana pekeling atau peraturan terdahulu setakat mana yang bercanggah dengan Pekeliling Akademik Bil. 01/2023 ini adalah terbatal.

Sekian, dimaklumkan. Terima kasih.

"MELESTARIKAN ILMU MELALUI KEBIJAKSANAAN"
"KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD NURULHISYAM BIN MUSTAPA)
Pengarah
Pusat Pengurusan Akademik.